



Ruj. Kami : KKM.400-9/5/3 Jld. 12 (60)
Tarikh : 25 November 2021

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

PINDAAN KADAR TUNTUTAN BAYARAN BALIK KOS KUARANTIN PENJAWAT AWAM PERKHIDMATAN PERSEKUTUAN DI STESEN KUARANTIN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memberikan pengecualian bayaran kos kuarantin kepada penjawat awam Perkhidmatan Persekutuan yang diarahkan menjalani kuarantin wajib di stesen kuarantin disebabkan pelaksanaan tugas rasmi. Kos kuarantin tersebut adalah ditanggung oleh Kementerian/Jabatan masing-masing dengan kaedah tuntutan bayaran balik oleh pegawai mengikut kadar yang telah ditetapkan. Surat KKM rujukan (23)KKM.400-9/5/3 Jld. 4 bertarikh 8 Januari 2021 adalah dirujuk.

3. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah melaksanakan pengoperasian stesen kuarantin swasta mulai 15 November 2021. Kadar caj yang dikenakan di stesen kuarantin swasta (mengikut harga hotel standard dan premium) adalah jauh lebih tinggi dari kadar tuntutan yang dibenarkan. Sehubungan itu, Kerajaan telah meluluskan pindaan kepada syarat serta kadar tuntutan bayaran balik kos kuarantin kepada penjawat awam Perkhidmatan Persekutuan yang menjalankan urusan

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



rasmi di luar/dalam negara. Perincian syarat-syarat tersebut seperti berikut:

- i. Keutamaan menjalani kuarantin wajib adalah di Institut Latihan Awam (ILA) berbanding stesen kuarantin swasta (hotel standard dan premium), mengikut tempoh kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sekiranya terdapat kekosongan tempat kuarantin di ILA dan penjawat awam **memilih** untuk menjalani kuarantin di stesen kuarantin swasta, had tuntutan bayaran balik yang dibenarkan adalah sebanyak **RM100 sehari** sahaja seperti mana kadar ILA;
- ii. Sekiranya tiada kekosongan tempat kuarantin di ILA dan penjawat awam terpaksa dikuarantinkan di stesen kuarantin swasta, penjawat awam dibenarkan untuk membuat **tuntutan bayaran balik pada kadar RM150 sehari bagi hotel standard atau bagi hotel premium**, kadar kelayakan pegawai adalah terhad seperti berikut:

Jadual 1: Kadar Kelayakan Hotel Premium

Gred	Kadar maksimum (RM) sehari
Utama/Khas A dan ke atas	850
Utama/Khas B dan C	650
53 dan 54	450
45 hingga 52	150
41 hingga 44	150
27 hingga 40	150
17 hingga 26	150
16 dan ke bawah	150

- iii. Penjawat awam perlu menanggung sepenuhnya lebih kos kuarantin yang melebihi kadar kelayakan dibenarkan. Kadar maksimum tuntutan bayaran kos kuarantin adalah terhad kepada tempoh kuarantin yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan pada waktu tersebut;

- iv. Ketua Jabatan hendaklah memastikan pergerakan pegawai bagi melaksanakan tugas rasmi adalah **terhad kepada perkara-perkara yang benar-benar memerlukan keberadaan fizikal** pegawai di tempat berkenaan sahaja. Pelaksanaan tugas rasmi secara atas talian bagi situasi yang bersesuaian hendaklah diutamakan;
- v. Semua tuntutan bayaran balik kos kuarantin adalah atas urusan **bertugas rasmi** sama ada balik dari luar/dalam negara dan sekiranya diarahkan untuk menjalani kuarantin wajib di negara tersebut. Tugas rasmi Kerajaan adalah merangkumi:
- a. mesyuarat;
 - b. seminar, bengkel, kursus dan latihan;
 - c. persidangan;
 - d. ceramah;
 - e. semua majlis rasmi kerajaan; dan
 - f. arahan bertugas dari semasa ke semasa oleh ketua jabatan.
- vi. Kos kuarantin perlu **dibayar terlebih dahulu** oleh pegawai berkenaan. Tuntutan bayaran balik fi kuarantin boleh dikemukakan kepada Jabatan masing-masing dengan syarat-syarat berikut:
- a. Mengemukakan surat arahan bertugas rasmi/berkursus tersebut;
 - b. Mengemukakan resit bayaran;
 - c. Mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan; dan
 - d. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan tuntutan yang dikemukakan oleh pegawai adalah teratur serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- vii. Kos perbelanjaan kuarantin tersebut hendaklah menggunakan peruntukan sedia ada Jabatan; dan

- viii. Jabatan hendaklah mengamalkan prinsip perbelanjaan berhemat selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PB3.1 iaitu Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan.

4. Syarat dan kadar baharu ini **berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan**. YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan dimohon untuk memanjangkan perkara ini kepada pusat tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZMAN BIN ISMAIL)

Bahagian Kewangan

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. Pengarah Kanan (Program Perkhidmatan Farmasi)
2. Pengarah Kanan (Program Kesihatan Pergigian)
3. Pengarah Kanan (Program Keselamatan dan Kualiti Makanan)
4. Setiausaha Bahagian Kanan Pembangunan
5. Setiausaha Bahagian Sumber Manusia
6. Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
7. Setiausaha Bahagian Dasar Dan Hubungan Antarabangsa
8. Setiausaha Bahagian Kanan Pembangunan
9. Setiausaha Bahagian Sumber Manusia
10. Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
11. Ketua Audit Dalam
12. Setiausaha Bahagian Akaun
13. Setiausaha Bahagian Perolehan dan Penswastaaan
14. Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan
15. Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat
16. Setiausaha Bahagian Pembangunan Kompetensi
17. Setiausaha Bahagian Dasar Dan Hubungan Antarabangsa
18. Pengarah Bahagian Perancangan
19. Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
20. Penasihat Undang-undang
21. Unit Integriti
22. Unit Komunikasi Korporat

SENARAI EDARAN LUARAN

23. Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
Perlis Indera Kayangan

24. Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah
05400 Alor Setar
Kedah Darul Aman

25. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 7, Bangunan MARA
No. 33 Jalan Pangkalan Weld
10300 Pulau Pinang

26. Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30590 Ipoh
Perak Darul Ridzuan

27. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9, 10, 11 & 17
No. 1, Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C
Seksyen 9, 40100 Shah Alam
Selangor

28. Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah
70300 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus

29. Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 3, 4, dan 5
Wisma Persekutuan, Jalan Business City
Bandar MITC 75450 Ayer Keroh
Melaka
30. Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 3 & 4 Blok B
Wisma Persekutuan, Jalan Air Molek
80590 Johor Bahru
Johor Darul Takzim
31. Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM 4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
Pahang Darul Makmur
32. Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
15590 Kota Baharu
Kelantan Darul Naim
33. Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20920 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
34. Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 3, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu
Sabah.
35. Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
93050 Kuching,
Sarawak

36. Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
37. Jabatan Kesihatan WP Labuan
Peti surat 80832
87018 Wilayah Persekutuan Labuan
38. Institut Kesihatan Umum (NIH)
Blok C7, Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH)
No.1, Jalan Setia Murni U13/52, Seksyen U13 Setia Alam
40170 Shah Alam
Selangor
39. Institut Kanser Negara (National Cancer Institute)
Kementerian Kesihatan Malaysia
No. 4, Jalan P7, Presint 7
62250 Putrajaya.
40. Hospital Kuala Lumpur
Jalan Pahang
Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur
50586 Kuala Lumpur
41. Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
Lot 36, Jalan Universiti (Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz)
46200 Petaling Jaya
Selangor
42. Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
Lot 1853, Kg. Melayu
47000 Sungai Buloh
Selangor
43. Pusat Darah Negara
Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur

44. Pusat Pergigian Kanak-kanak dan Kolej Latihan Pergigian
Malaysia
No. 3, Jalan Sepoy Lines
10450 Pulau Pinang

35. Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia
Aras 6, Prima 9, Prima Avenue II
Blok 3547, Persiaran APEC
63000 Cyberjaya
Selangor

36. Majlis Perubatan Malaysia
Blok C, First Floor,
Bilik Sumber,
Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur